

16/05/2000

Kuasa Canselor dalam Akta UiTM

Ibrahim Saad

KONVOKESYEN Universiti Teknologi Mara (UiTM) dijadualkan pada 25 Mei ini yang akan berlangsung selama seminggu di kampus induk Shah Alam, amat bermakna kerana yang pertama sejak dinaikkan taraf kepada universiti. Pada 8 Mei lalu, institusi ulung Bumiputera itu sah sebagai sebuah IPTA apabila Dewan Negara meluluskan Akta UiTM setelah sebelumnya diluluskan oleh Dewan Rakyat berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tentang peningkatan taraf daripada sebuah institut kepada universiti penghujung tahun lalu. Dari segi fizikal, kampus induk itu kini rancak dilengkapi pelbagai perubahan kosmetik yang dijangka siap sepenuhnya pada tarikh ditetapkan bagi memeriah dan menceriaan lagi konvokesyen bersejarah itu. Seperti lazimnya semua graduan dari kampus cawangan akan menghadiri majlis berkenaan.

Difahamkan, Yang Dipertuan Agong, sebagai canselor universiti telah berkenan untuk menyempurnakan perasmianya pada hari pertama. Dalam Akta UiTM, sebagai canselor, Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa pemutus tertinggi terutama dari segi kemasukan pelajar bagi memastikan ia tetap menjadi institusi pendidikan Bumiputera yang tidak dirombak walaupun dinaikkan tarafnya kepada universiti. Peruntukan ini menangkis kebimbangan yang UiTM akan melaksanakan struktur pengambilan pelajar sama seperti IPTA lain. Kita percaya amalan ini akan dipertahankan kerana tidak guna dinaikkan taraf sekiranya terpaksa menyimpang daripada matlamat asal penubuhannya. Ini untuk mengelak daripada menang sorak, kampung tergadai di samping mengambil iktibar daripada pertukaran status IPSI di Tanjung Malim kepada UPSI yang tidak ditangani berdasarkan sejarah dan aspirasi penubuhan yang termaktub sejak di zaman British dulu.

Peningkatan taraf kepada universiti memberi banyak implikasi, terutama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang dirangka sempena kemerdekaan negara sejak lima dekad yang lalu. Satu fenomena yang sangat ketara pada ketika itu ialah kedaifan orang Melayu dalam pendidikan, terutama yang menjuruskan kepada profesionalisme. Jelas, UiTM setelah meniti pelbagai perubahan dari segi taraf, berjaya melahirkan ratusan ribu profesionalisme Melayu yang memberi kesan dari segi politik, sosial dan ekonomi. Justeru, elok rasanya jika dibuat satu kajian komprehensif mengenai sumbangan graduan UiTM sejak ditubuhkan sehingga dinaikkan taraf sebagai sebuah universiti.

Kajian ini sangat penting bagi mengetahui peranan dan penguasaan graduan UiTM dari segi meningkatkan taraf bangsa Melayu khususnya dan negara amnya, dalam pendidikan dan ekonomi. Dengan demikian kita dapat mengetahui dengan terperinci daripada data yang dikumpul itu, apakah institusi itu benar-benar dapat memenuhi aspirasi penubuhannya. Cukupkah profesionalisme Melayu dalam pelbagai bidang dapat dilahirkan? Adakah seimbang dari segi jenis atau bidang? Apakah kedudukan mereka dalam arus pembangunan negara? Berapa ramaikah antara mereka yang menjadi nadi dan tulang belakang dalam menggerakkan sektor yang diceburi? Di samping itu, kajian berkenaan juga dapat memaparkan kelemahan dan kekurangan untuk ditampung secara bijaksana sejajar dengan kewujudannya sebagai sebuah IPTA dalam alaf baru. Ini berikutan dengan ada dakwaan bahawa banyak bidang pengajian yang ditawarkan di UiTM kini tidak relevan lagi.

Selain kemasukan pelajar, banyak lagi tanda tanya yang memerlukan jawapan berikutan dengan pertukaran taraf itu. Tetapi dalam satu temuramah khas dengan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin, sempena

konvokesyen UiTM, beliau memberi jaminan bahawa semua persoalan akan ditangani dengan adil diselaraskan dengan IPTA lain di negara ini. Antara persoalan itu termasuklah yang berkaitan dengan kakitangan akademik dan pelajar.

Bagi kakitangan akademik kita percaya mereka akan menikmati struktur dan tangga gaji sama seperti rakan sejawat mereka di IPTA lain yang diseragamkan juga dengan kemudahan lain seperti cuti sebatikal. Malah jika mahu diwujudkan struktur gaji baru berdasarkan konsep pengkorporatan, UiTM boleh dijadikan model.

Bagi pelajar, perkara pokok yang memerlukan jaminan ialah tentang yuran belajar dan bayaran asrama. Apakah ia akan dikekalkan seperti sekarang atau mengikut IPTA yang lain? Kita mengundang pandangan daripada pembaca di samping perbincangan khusus mengenai isu ini dalam tulisan berikutnya.

(END)